AUTHOR: No author available SECTION: BISNES AUDIENCE : 65,000 PAGE: 30 PRINTED SIZE: 163.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,466 WORDS: 143
ITEM ID: DP0122445574



06 NOV, 2026

TNB diiktiraf jenama terbaik

Sinar Harian, Malaysia

TNB diiktiraf jenama terbaik



Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (tengah) menerima anugerah disampaikan oleh Pengerusi World Branding Forum, Richard Rowles (kanan). Turut hadir pada majlis tersebut Ketua (Komunikasi Korporat Kumpulan) TNB, Samsul Ariffin Zainuddin (kiri).

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) atas kejayaan meraih pengiktirafan Jenama Terbaik 2026-2027 bagi kategori Tenaga-Kuasa (Peringkat Nasional) pada World Branding Awards.

Menerusi hantaran di laman X, beliau menyatakan TNB memainkan peranan penting dalam membekalkan tenaga elektrik, menyokong pertumbuhan ekonomi dan memacu pembangunan negara sepanjang 77 tahun penubuhannya.

"Ia mencerminkan keyakinan rakyat terhadap sumbangan TNB kepada kemajuan negara selain mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa," katanya.

Anwar turut berharap kejayaan itu menjadi pemangkin kepada TNB untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan, memperkukuh infrastruktur tenaga dan memperluas penggunaan tenaga boleh baharu demi memastikan masa depan Malaysia yang mampan.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.